

'Periksa dulu visa Furada elak ditipu'

25 syarikat dilesen bawah TH uruskan jemaah haji tahun ini

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Sepang: Orang ramai ditawar menunaikan ibadah haji menggunakan visa Furada dinasihatkan memeriksa dan memastikan kesahihannya terlebih dahulu bagi mengelak ditipu pihak tidak bertanggungjawab.

Pengarah Eksekutif Haji Lemba Tabung Haji (TH), Datuk Seri Syed Saleh Syed Abd Rah-

man, berkata visa Furada bukan mudah diperoleh, tetapi ada pihak tertentu menjadikannya bahan niaga sehingga mendakwa ada 100 hingga 200 visa untuk dijual kepada orang ramai.

Beliau berkata, visa ini sebenarnya dikeluarkan Kerajaan Arab Saudi dan Jabatan Haji Arab Saudi untuk diberikan kepada pihak tertentu yang memohon serta diluluskan.

Susulan itu, katanya, jemaah yang ingin menuaikan haji dinasihatkan tidak terpedaya dengan syarikat menawarkan ibadah haji dengan harga tertentu menggunakan visa Furada ini bagi mengelak kerugian.

"Kita sudah meluluskan 25 syarikat pengendali jemaah haji (PJH) yang dilesenkan di bawah TH untuk menguruskan jemaah



Syed Saleh bersama wakil media menyantuni petugas haji di Hotel Movenpick, Sepang, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

haji tahun ini dan jika menggunakan syarikat tidak berdaftar dan dilesenkan itu, risikonya sangat tinggi," katanya selepas menyantuni petugas haji di Hotel Movenpick di sini, semalam.

Syed Saleh berkata demikian ketika mengulas pertanyaan media selepas dimaklumkan ada satu penerbangan ke Arab Saudi membawa jemaah haji Malaysia semalam, didakwa menggunakan visa Furada.

Syed Saleh berkata, beberapa kes jemaah terkandas di negara ini sebelum berlepas ke Tanah Suci atau mereka yang tiba di Tanah Suci dan dikenakan wang tambahan oleh syarikat pengendali, termasuk kebajikan diabachikan selepas pengendali menghi-

langkan diri, perlu dijadikan ikhtibar oleh rakyat di negara ini.

Beliau berkata, Kerajaan Arab Saudi juga melihat perkara ini sesuatu yang serius dan baru-baru ini memberi peringatan supaya individu yang ingin mengerjakan haji tidak menyalahgunakan visa, selain visa haji.

Katanya, ada beberapa visa dikeluarkan Kerajaan Arab Saudi seperti visa pelancong, umrah, kerja, perniagaan dan semua ini tidak boleh digunakan untuk mengerjakan haji kerana melanggar undang-undang di sana, termasuk hukum Islam.

"Setakat ini, masih belum ada jemaah haji Malaysia diterbangkan menggunakan visa Furada, ia dijangka hanya bermula se-

lepas dua minggu penerbangan jemaah visa haji," katanya.

Fasihkan keselamatan jemaah
Sementara itu, Syed Saleh berkata, TH mempunyai program pengurusan bencana didokumen dan sentiasa diropraktikkan melalui simulasi sebagai persediaan berdepan sebarang bencana tidak diingini demi keselamatan jemaah pada musim haji tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya juga turut berbincang dengan semua pemegang taruh sama ada di Malaysia dan Arab Saudi, termasuk Kedutaan Malaysia di Arab Saudi bagi memastikan urusan haji tidak terjejas akibat bencana yang berlaku.